



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

08.04.2022

**MSWG bersama-sama Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerbitkan "Laporan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Syarikat Awam Tersenarai 2020" di laman sesawang kami. Kajian ini memfokuskan kepada menganalisis tatacara pengendalian mesyuarat agung tahunan bagi syarikat awam tersenarai yang terpilih berbanding amalan terbaik serta mencadangkan cara untuk meningkatkan keberkesanannya. Sila layari <https://www.mswg.org.my/publications> untuk maklumat lanjut.**

- ❖ **Kajian oleh MSWG-UKM: Masih ada ruang penambahbaikan bagi tatacara pengendalian AGM oleh PLC**

Komunikasi dua hala yang berkesan antara syarikat awam tersenarai (public limited companies, PLC) dan pemegang saham mereka adalah penting bagi mewujudkan persekitaran yang telus untuk perniagaan berkembang maju.

Malah, lembaga pengarah sesebuah PLC perlu memastikan adanya komunikasi yang berkesan, telus dan dibuat secara berkala dengan pihak berkepentingan syarikat tersebut. Saluran komunikasi atau interaksi sedemikian membolehkan pihak berkepentingan menyampaikan pandangan, maklum balas atau aduan mereka dengan sewajarnya.

Prinsip C daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG) 2021 menekankan bahawa sesebuah syarikat perlu menyediakan komunikasi dan penglibatan yang berterusan dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pemahaman tentang objektif dan jangkaan bersama. Penglibatan seumpama ini membolehkan pihak berkepentingan mendapatkan maklumat tentang perniagaan, dasar tadbir urus, alam sekitar dan tanggungjawab sosial syarikat.

Bagi pemegang saham minoriti, mesyuarat agung tahunan (annual general meeting, AGM) adalah salah satu platform terbaik untuk mereka menyuarakan keimbangan atau menyalurkan keluhan terhadap PLC yang menempatkan pelaburan mereka.

Oleh yang demikian, pihak berkepentingan yang prihatin perlu bersiap sedia dengan mengambil tahu isu berkaitan pelantikan atau pelantikan semula pengarah syarikat serta dasar imbuhan. Selain itu, mereka juga perlu meneliti laporan tahunan, penggunaan amalan terbaik tadbir urus korporat dan amalan terbaik berkaitan kelestarian/ alam sekitar, sosial dan tadbir urus (environmental, social and governance, ESG), laporan audit luar, pengurusan risiko dan isu audit dalaman serta amalan dan dasar antirasuah.

Di samping itu, pihak berkepentingan, terutama pemegang saham minoriti, boleh memainkan peranan mereka dengan bertanyakan soalan kepada lembaga pengarah sewaktu AGM jika mereka tidak berpuas hati dengan tadbir urus dan prestasi syarikat, atau jika syarikat tidak mencapai prestasi yang disasarkan.

Ahli lembaga pengarah PLC dan jawatankuasa kecil lembaga perlu memainkan peranan mereka dengan tidak mengabaikan isu yang dibangkitkan oleh pemegang saham, terutama pemegang saham minoriti. MCCG 2021 selanjutnya menekankan bahawa lembaga pengarah perlu memastikan pemegang saham dapat mengambil bahagian dalam semua sesi dan berinteraksi dengan mereka sepanjang tempoh mesyuarat.

Syarikat boleh menyediakan kemudahan yang lebih baik misalnya penggunaan teknologi baharu untuk komunikasi maya, persembahan multimedia serta mengamalkan ‘kebersihan siber’ dalam mesyuarat agung bagi menjamin keselamatan rangkaian dan pengendalian data yang kritikal.

Walau bagaimanapun, amalan sebenar tidaklah sesempurna, seperti yang dibuktikan oleh penemuan dalam kajian terbaru kami yang bertajuk “**Laporan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Syarikat Awam Tersenarai 2020**”. Kajian ini dijalankan secara bersama oleh MSWG dan Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (Centre for Governance Resilience and Accountability Studies, GRACE), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laporan ini mengetengahkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian tentang amalan berkaitan AGM yang merangkumi tiga bidang iaitu:

#### **a) Sesi Soal Jawab (Q&A)**

Kajian MSWG-UKM ini menekankan kepentingan untuk membenarkan (i) pertanyaan tentang soalan daripada pemegang saham sebelum AGM; dan (ii) memberi masa yang mencukupi untuk bertanyakan soalan sewaktu AGM.

Dalam hal ini, apabila pembentangan sudah dibuat oleh pihak pengurusan, soalan sudah dikemukakan oleh pemegang saham dan jawapan sudah pun diberikan sewaktu mesyuarat berlangsung, tidak mustahil ia boleh mencetuskan soalan tambahan daripada pemegang saham lain.

Kedua, syarikat boleh mempertimbangkan penggunaan platform maya yang tersedia dalam pasaran seperti Zoom, Webex atau Microsoft Teams dengan fungsi sembang sebagai platform untuk berinteraksi.

Syarikat perlu menjawab soalan yang ditanyakan sewaktu sesi Soal Jawab, sama ada yang ditanyakan oleh pemegang saham atau MSWG sebelum atau sewaktu AGM berlangsung. PLC yang lebih bagus boleh memilih untuk memuat naik transkrip Soal Jawab kesemua soalan yang dikemukakan dan jawapan mereka ke laman sesawang korporat masing-masing selepas tamat AGM (tidak lewat 30 hari selepas AGM).

Inisiatif untuk menjawab soalan ini menunjukkan bahawa lembaga menghargai pertanyaan dan komen pemegang saham mengenai prestasi syarikat.

Malah, syarikat perlu menyediakan masa yang cukup untuk pemegang saham mengemukakan soalan bagi memastikan penyertaan yang aktif oleh pemegang saham.

Kami mengakui sesetengah syarikat menyatakan soalan yang diterima daripada pemegang saham jika ia berkisar tentang perkara yang sama. Walau bagaimanapun, kaedah penyataan ini mungkin menyebabkan sesetengah soalan lain diabaikan. Oleh itu, jika syarikat sedang mempertimbangkan pendekatan menyatakan soalan, mereka perlu menjelaskan terlebih dahulu alasan menggunakan pendekatan ini iaitu untuk menjimatkan masa dan mengelakkan soalan berulang.

### **b) Kehadiran Lembaga Pengarah**

Prinsip A MCCG 2021 menyatakan bahawa lembaga pengarah secara kolektif bertanggungjawab ke atas kejayaan jangka panjang sesebuah syarikat dan penyampaian nilai yang mampan kepada pihak berkepentingan syarikat tersebut.

Syarikat perlu melantik seorang Pengerusi lembaga pengarah yang bertanggungjawab memupuk amalan tadbir urus korporat yang baik, kepimpinan dan keberkesanan dalam memenuhi matlamat dan objektif syarikat.

Memandangkan betapa pentingnya penglibatan lembaga pengarah dengan pemegang saham, Pengerusi perlu memastikan kesemua ahli lembaga hadir dalam AGM supaya semua soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham dapat dijawab sewaktu AGM berlangsung. Ini adalah kerana sesetengah pengarah lain mungkin lebih berkelayakan untuk menjawab persoalan yang dilontarkan oleh pemegang saham itu.

### **c) Peranan Pengerusi dalam mesyuarat agung tahunan (AGM)**

Pengerusi perlu memainkan peranan dan menjadi contoh yang baik sepanjang perjalanan AGM. Justeru, Pengerusi hendaklah mempengaruhi AGM seperti yang termaktub dalam Akta Syarikat 2016 dan bertanggungjawab ke atas semua perkara strategik yang dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Seorang Pengerusi juga perlu dilihat sebagai seorang yang berintegriti tinggi. Oleh itu, beliau tidak dibenarkan untuk mencadangkan pemilihan semula atau pelantikan semula dirinya sendiri, atau mencadangkan apa-apa resolusi yang mana dia mempunyai kepentingan dalam resolusi itu.

### **AGM secara fizikal, maya dan hibrid**

Selepas kemunculan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, penemuan MSWG-UKM mendedahkan bahawa daripada 280 PLC yang dinilai, 67.5% (n=189) mengadakan mesyuarat secara maya sepenuhnya manakala 32.5% (n=91) mengadakan mesyuarat secara fizikal. Mesyuarat fizikal ini diadakan di Pulau Pinang, Lembah Klang, Johor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Mesyuarat maya sepenuhnya ialah mesyuarat agung yang dijalankan dalam talian tanpa lokasi fizikal. Satu-satunya lokasi yang terlibat dalam pengendalian mesyuarat agung maya sepenuhnya ialah lokasi penyiaran yang mana hanya individu penting hadir secara fizikal.

Individu penting termasuklah pengurus mesyuarat agung, ahli lembaga pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ketua pegawai kewangan, setiausaha syarikat, juruaudit, pemeriksa dan mereka yang berperanan menyediakan sokongan audio dan visual untuk mesyuarat itu.

Semua pemegang saham dalam mesyuarat agung maya sepenuhnya menghadiri mesyuarat secara jarak jauh.

Perlu diingatkan juga bahawa amalan terbaik yang dianjurkan dalam MCCG adalah mesyuarat agung secara hibrid. Ia diadakan di lokasi mesyuarat fizikal dengan kehadiran pemegang saham secara fizikal dan pada masa yang sama ia juga disiarkan secara maya untuk manfaat pemegang saham yang lebih suka menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat itu dari jarak jauh.

Klik di [sini](#) untuk mendapatkan lebih banyak penemuan (terutamanya statistik) daripada **Laporan Mesyuarat Agung Tahunan 2020 Syarikat Awam Tersenarai**.

Sebagai kesimpulan, penerbitan ini adalah susulan kepada kajian kami pada tahun 2015 yang bertajuk Laporan Amalan AGM oleh Syarikat Malaysia (*Report of AGM Practices by Malaysian Companies*). Penerbitan ini bertujuan memudahkan tatacara pengendalian AGM yang lebih baik oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

#### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 15 April 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
12.04.22 (Selasa) 10.30 pagi	KLCC Property Holdings Berhad (AGM)	KLCCP Stapled Group mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM712.5 juta pada tahun kewangan 2021 (tidak termasuk pelarasan nilai saksama), mewakili peningkatan 3.2% daripada tahun sebelumnya. Ia berikut rosot nilai yang lebih

		rendah yang dicatatkan ke atas hartanah pelaburan dalam pembinaan ( <i>investment property under construction</i> , IPUC) untuk Fasa 3 Pembangunan Semula Kompleks Dayabumi. Kumpulan mengagihkan sejumlah 33.60 sen untuk setiap sekuriti terikat bagi tahun tersebut.
14.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Malayan Banking Berhad (AGM)	<p>Selepas dua tahun berturut-turut menyediakan peruntukan yang besar akibat cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, bank tempatan seperti Maybank mungkin melihat potensi untuk memulihkan semula peruntukan yang telah dibuat.</p> <p>Bagaimanapun, bank mungkin terpaksa bergelut dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (<i>non-performing loan</i>, NPL) yang tinggi dalam tempoh terdekat selepas tamat program moratorium menjelang pertengahan 2022.</p>
14.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (AGM)	<p>Bersandarkan pendapatan yang mendarat berjumlah RM1.8 bilion tahun ke tahun, kumpulan Carlsberg melaporkan keuntungan bersih RM201 juta bagi tahun kewangan 2021, meningkat 23.9% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan keuntungan ini sebahagian besarnya didorong oleh langkah pengoptimuman kos, inovasi produk dan campuran premium yang lebih baik. Namun begitu, pendapatannya terjejas oleh jualan yang lebih rendah berikutan penggantungan operasi kilang bir dan beberapa kawalan sewaktu pelaksanaan sekatan pergerakan di Malaysia dan Singapura.</p> <p>Pada tahun 2022, Kumpulan akan lebih cakna tentang cabaran yang berpotensi mendepani komoditi dan</p>

		menjangkakan pertumbuhan yang sederhana, kecuali jika berlaku gangguan atau sekatan pergerakan.
--	--	---

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>		
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>	
KLCC Property Holdings Berhad (AGM)	<p>Elaun rosot nilai Kumpulan bagi penghutang dagangan meningkat kepada RM9.1 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM3.4 juta pada tahun kewangan 2020, dengan peningkatan sebanyak RM5.7 juta atau 176.6%. (Halaman 228, Laporan Tahunan)</p> <p>(a) Sila berikan pecahan elau rosot nilai yang berjumlah RM9.1 juta ini mengikut segmen hartanah pelaburan bagi pejabat dan runcit, hotel dan segmen perkhidmatan pengurusan untuk tahun kewangan 2021 dan 2020.</p> <p>(b) Berapakah amaun daripada elau rosot nilai yang berjumlah RM9.1 juta ini telah berjaya dikutip setakat akhir Februari 2022 daripada empat segmen perniagaan yang dinyatakan di atas?</p>	
Malayan Banking Berhad (AGM)	<p>Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (<i>loans, advances and financing, LAF</i>) menyusut kepada RM2.66 bilion berbanding RM4.6 bilion pada tahun kewangan 2020. Sementara itu, kadar penghapusan bersih adalah lebih rendah pada 51 mata asas (<i>basis points, bps</i>) berbanding 88 bps pada tahun sebelumnya.</p> <p>Bagaimanakah kualiti aset Maybank pada tahun kewangan 2022? Apakah panduan kos kredit Maybank untuk tahun kewangan 2022 dan apakah andaian yang digunakan untuk panduan ini?</p>	
Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pada tahun 2021, banyak bahan mentah Kumpulan menyaksikan kenaikan harga yang ketara. Ini termasuklah barli, malt dan pelbagai bahan pembungkusan. Harga alumina (alumimum oksida semula jadi) dijangka meningkat pada 2022 berbanding 2021 disebabkan bekalan yang terhad dan kos pengeluaran yang tinggi (halaman 70 dan 81, Laporan Tahunan Bersepadu 2021).</p> <p>(a) Apakah kesan peningkatan kos komoditi ke atas margin operasi Kumpulan pada masa hadapan?</p> <p>(b) Harga komoditi seperti aluminium mencatatkan peningkatan 30% hingga 40%, manakala harga barli</p>	

	meningkat 60%. Dengan kos bahan mentah yang semakin meningkat, ditambah pula persaingan dan perang harga yang sengit dalam kalangan pemain industri makanan dan minuman (F&B), bagaimanakah Kumpulan mengimbangi antara mengekalkan margin dan menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan dan pengguna?
--	--

## PEMANTAUAN CORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

## PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

## PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.